

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]
TARIKH : 4.4.2016 (ISNIN)
NO. SOALAN : 68

TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kriteria untuk sesebuah produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) menembusi pasaran antarabangsa bagi mengambil peluang perdagangan daripada TPPA yang baru sahaja ditandatangani.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Setakat ini, bilangan PKS Malaysia yang merangkumi 646,000 syarikat berdaftar telah menyumbangkan sebanyak 18% kepada jumlah eksport negara. Antara kriteria yang penting untuk produk

atau perkhidmatan sesebuah PKS menembusi pasaran antarabangsa adalah seperti berikut:

- persijilan / piawaian antarabangsa;
- pembungkusan & penjenamaan;
- sokongan logistik;
- kemudahan pembiayaan untuk eksport;
- rakan strategik tempatan; dan
- pematuhan kepada undang-undang/ peraturan tempatan.

TPPA akan memberi manfaat apabila PKS Malaysia mengeksport ke negara-negara di bawah TPPA kerana Malaysia menikmati keistimewaan sebagai negara anggota TPPA, berbanding dengan negara yang bukan anggota TPPA. Ini adalah kerana negara anggota bakal diberi pengecualian tarif yang lebih menarik yang secara langsung meningkatkan daya saing PKS Malaysia apabila berdagang dalam negara anggota TPPA.

Selain itu, TPPA juga akan memastikan PKS Malaysia diberi peluang perdagangan yang adil dengan menghapuskan '*Non-Tariff Barrier*' yang berat sebelah (sekiranya ada) apabila bersaing dengan syarikat-syarikat tempatan di dalam negara anggota TPPA. Satu mekanisme penyelesaian pertikaian di

antara pelabur dan Kerajaan atau '*Investor-State Dispute Settlement (ISDS)*' pula boleh digunakan jika Kerajaan negara anggota TPPA melanggar perjanjian dengan PKS Malaysia yang telah melabur dalam negara anggota TPPA tersebut.

Tambahan pula, bagi memperkukuhkan pembangunan PKS, Pelan Induk PKS (2012 – 2020) telah dirangka. Ia merupakan satu pelan menyeluruh dan memberi tumpuan ke arah mewujudkan ekosistem yang menyokong usaha bagi mempercepatkan pertumbuhan PKS melalui produktiviti dan inovasi. Pelan Induk ini menggariskan 32 inisiatif termasuk enam program berimpak tinggi yang akan melonjakkan pertumbuhan KDNK PKS yang tinggi dan untuk Malaysia menghasilkan juara negara, serantau dan global yang kompetitif bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Salah satu bidang tumpuan yang telah dikenal pasti dalam Pelan Induk PKS adalah akses kepada pasaran. Untuk tujuan ini, Program Berimpak Tinggi (HIP) Ke-empat Pelan iaitu Program '*Going Export*' (GoEx) yang dilaksanakan oleh MITI melalui MATRADE menawarkan bantuan khusus kepada pengeksport dan PKS tempatan yang menceburi pasaran baharu di luar negara. PKS yang bersedia menjalankan aktiviti eksport boleh

mendapatkan sokongan menyeluruh termasuk rangkaian kepakaran pasaran dan pembeli serta pematuhan kepada piawaian untuk memudahkan perkhidmatan dan produk diterima di peringkat antarabangsa.